

# **UMP Jalin Kerjasama Dengan BOSCH Tawar Biasiswa Dan Latihan Industri**



Kuantan, 13 Mei- Syarikat Bosch (Malaysia) yang merupakan pengeluar global teknologi dan perkhidmatan mengumumkan kerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk menawarkan biasiswa dan latihan industri dalam bidang mekatronik dan automotif dalam melahirkan pelajar yang berkemahiran dan mempunyai nilai tambah.

"UMP adalah salah satu universiti awam yang memfokuskan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Dengan perkongsian strategik ini, kami berhasrat untuk mengiktiraf dan membangunkan individu muda berbakat, mengukuhkan pengetahuan kejuruteraan melalui bengkel dan pengalaman latihan (on-the-job) dengan perspektif global melalui program latihan industri dengan syarikat kami," kata Pengarah Urusan Bosch di Malaysia, Simon Song.

Justeru, Bosch akan menganugerahkan dua biasiswa pada satu masa untuk pelajar terpilih yang mengikuti pengajian dalam bidang Kejuruteraan Mekatronik dan Automotif serta menjalani program dwijazah dengan Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman.

Dalam menjalani latihan industri, Song menekankan bahawa pelajar akan menjalani penempatan latihan industri selama enam bulan di pusat penyelidikan dan pembangunan di Bosch Car Multimedia dan Bosch Power Tools yang terletak di Pulau Pinang. Pelajar akan dibimbing dan diberi peluang untuk bekerja bersama pakar-pakar dalam bidang pilihan mereka.



Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, perkongsian itu adalah contoh program yang meningkatkan kualiti taraf pendidikan bagi tenaga kerja tempatan.

"Kerjasama dengan pemain industri global seperti Bosch ini membolehkan pelajar kita menerokai kemajuan teknologi terutamanya dalam bidang teknologi kejuruteraan Automotif dan Mekatronik ini," katanya.

Bosch kini mempunyai lebih daripada 2,100 syarikat-syarikat bersekutu di Malaysia, yang terletak di Pulau Pinang, Shah Alam dan Petaling Jaya. Bosch menjangkakan pertumbuhan perniagaan yang kukuh pada tahun-tahun akan datang selari dengan peningkatan dalam sumber manusia yang berkaitan.

"Dengan perkembangan yang berterusan Bosch di Malaysia, kami memerlukan profesional berkaliber tinggi bagi menyokong dan memacu pertumbuhan perniagaan. Kami berharap melalui kerjasama ini akan dapat membangun dan memupuk bakat untuk kesan positif dalam jangkamasa yang panjang di Malaysia," tambah Song.

Dalam majlis ini Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim menandatangani MoU bagi pihak universiti, manakala Bosch Malaysia diwakili oleh Pengarah Urusan Teknikal Bosch Car Multimedia Pulau Pinang, Mergili Lothar dan Pengarah Urusan Bosch Power Tools Pulau Pinang, Lars Kabatnik dengan disaksikan oleh Duta Besar Jerman ke Malaysia, HE Mr. Holger Michael, Pengurusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri Pahang, Dato' Ir. Haji Mohd Sofi Bin Tan Sri Abd. Razak, Pengarah Urusan Bosch di Malaysia, Simon Song dan Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusof.

Program berlangsung sempena "Hari Jerman" yang dianjurkan oleh pihak Kedutaan Jerman dan UMP. Pameran ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pihak industri Jerman di Malaysia termasuklah pihak Volkswagen, Siemens, Airbus, BASF, BMW dan Rohde & Schwarz. Lebih 500 hadir pelajar hadir mendengar ceramah kerjaya dan meneroka peluang industri serta mendapatkan peluang kerjaya dengan syarikat Jerman yang beroperasi di Malaysia.



**Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 18-05-2015, 16:34:01